

KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM MENTOR-MENTI/PROGRAM  
KECEMERLANGAN DIRI ANJURAN JABATAN-JABATAN UiTM PERAK

DISEDIAKAN OLEH:

CHE NORLIA HASSAN  
ABDUL MAJEED AHMAD  
ZULKEFLI ABDUL RAHMAN  
SALINA NORANEE

MAC 2008

Tarikh: 3 Mac 2008  
No. Fail Projek:

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)  
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam


Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN "KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM MENTOR-MENTI/PROGRAM KECEMERLANGAN DIRI ANJURAN JABATAN-JABATAN UiTM PERAK"**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 4 (empat) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk "Kajian Keberkesanan Program Mentor-Menti/Program Kecemerlangan Diri Anjuran Jabatan-Jabatan UiTM Perak" oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat UiTM Perak untuk makluman dan tindakan puan.

Sekian, terima kasih.


Yang benar



**CHE NORLIA HASSAN**  
Ketua  
Projek Penyelidikan


**KUMPULAN PENYELIDIK**

CHE NORLIA HASSAN  
KETUA PROJEK




-----  
Tandatangan

ABDUL MAJEED AHMAD  
Ahli




-----  
Tandatangan

ZULKEFLI ABDUL RAHMAN  
Ahli



-----  
Tandatangan

SALINA NORANEE  
Ahli



-----  
Tandatangan

## **ABSTRAK**

Sejak tahun 1988, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak telah memperkenalkan Program Mentor-Menti atau juga dikenali sebagai Program Kecemerlangan Diri. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meninjau keberkesanan program tersebut yang dilaksanakan pada tahun 2005. Untuk kajian ini, seramai 272 orang pelajar dari 4 fakulti terlibat sebagai menti. Selain itu, seramai 18 orang yang terdiri daripada pensyarah fakulti dan penceramah luar terlibat sebagai mentor. Ia melibatkan bimbingan dan interaksi mentor-menti secara profesional. Pemilihan menti adalah berdasarkan kepada pencapaian akademik mereka, iaitu untuk mereka yang mendapat keputusan peperiksaan yang nilai CGPA di bawah 2.3. Kajian ini memusatkan perhatian kepada program mentor-menti, iaitu satu tinjauan mengenai (a) respons mentor, iaitu pensyarah fakulti dan penceramah luar yang terlibat dalam program ini mengenai kesesuaian program ini diperkenalkan, penilaian tentang keberkesanan program serta faedah kepada diri dan profesionnya, dan (b) respons menti, iaitu perubahan yang dialami oleh mereka, khasnya mengenai kesan-kesan terhadap diri mereka sendiri.

Hasil daripada analisis data menunjukkan bahawa semua mentor bersetuju bahawa program telah dikendalikan dengan baik dan menepati objektif yang ditetapkan serta berhasil membawa kepada perubahan sikap, motivasi dan semangat terhadap pembelajaran dan pembentukan sahsiah menti. Hampir kesemua bersetuju bahawa penganjuran program ini merupakan satu langkah positif universiti untuk meningkatkan

prestasi akademik mentri yang terlibat. Selain itu, wujud konsensus mengenai rasa kepuasan dan penglibatan mentor dalam program mentor-mentri. Dari perspektif mentri pula, kewujudan interaksi dengan mentor melalui program ini dan pengisian yang diatur telah meninggalkan kesan-kesan positif. Secara keseluruhannya lebih 80% mentri bersetuju dengan setiap aspek yang dikendalikan dalam program dan mereka merasa lebih yakin terhadap diri dan terdorong untuk bertindak balas secara positif terhadap program demi meningkatkan potensi dan disiplin diri.

Kajian membuktikan bahawa pengendalian program seperti ini boleh membantu pelajar yang lemah dalam akademik dan menjadi satu strategi yang berkesan khasnya untuk mengubah sikap dan mendorong pelajar yang kurang berjaya dalam akademik. Pada keseluruhannya, analisis data kajian ini telah menunjukkan bahawa program mentor-mentri berpotensi memberi manfaat kepada pelajar (mentri).